

'Arahan bukan nak roboh empayar perniagaan Syed Mokhtar'

BH - 7/12/2022 mld: 3

Putrajaya: Arahan Kerajaan Persekutuan untuk syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) menyalurkan peruntukan RM10 juta kepada pesawah miskin bulan ini dan RM50 juta tahun hadapan, bukan bertujuan merobohkan empayar perniagaan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia dilakukan untuk kepentingan ra-

kyat dan pesawah miskin, termasuk di Kedah.

Beliau berkata, langkah yang diambilnya itu serta Kementerian Kewangan adalah untuk mencari jalan penyelesaian.

Malah, katanya, perkara itu diputuskan selepas berunding dengan Syed Mokhtar dan ia dipersetujui ahli perniagaan itu dengan mudah.

"Saya ucap terima kasih ke-

pada dia tetapi saya kata, untuk menjamin masa depan pesawah miskin, saya ambil langkah untuk berunding dengan dia dan cuba bantu," katanya pada sidang media di Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Anwar berkata, Syed Mokhtar boleh membuat keuntungan melalui perniagaannya dalam sektor lain, termasuk Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).

Katanya, beliau memberi jaminan untuk Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan mencari jalan menyelesaikan sebarang masalah dihadapi di mana-mana pelabuhan di Johor.

Beliau juga mengingatkan semua pihak untuk tidak mempolitikkan isu monopoli import beras yang dikuasai Syed Mokhtar.

Pada masa sama, Anwar ber-

kata, pihaknya akan berunding dengan Syed Mokhtar mengenai cara untuk BERNAS boleh memberi jaminan keselesaan dan keadilan kepada pesawah padi yang miskin.

Perdana Menteri sebelum ini membidas tindakan kerajaan ketika itu melanjutkan tempoh konsesi BERNAS, yang mempunyai kuasa untuk memonopoli import beras.